

Penganalisis yakin langkah Kerjaya Prospek ceburi segmen pusat data buka peluang kontrak lebih besar

27 Jul 2026



KUALA LUMPUR 27 Julai – Kerjaya Prospek Group Berhad dilihat penganalisis semakin terus mengukuhkan kedudukan dalam sektor pembinaan negara dengan menembusi segmen infrastruktur pusat data (DC).

[Panduan Bandar & Tempatan](#)

Langkah terbaharu itu akan membuka banyak peluang kepada kontrak yang bernilai lebih besar pada masa hadapan, dengan mereka turut mengekalkan pandangan positif terhadap prospek syarikat tersebut.

Kejayaan perolehan subkontrak bernilai RM52.5 juta bagi pembinaan stesen pendaratan pengguna 275kV untuk sebuah DC di Lembah Klang itu memperluaskan sumber hasil di luar projek pembangunan kediaman.

"Tender berkenaan merupakan kontrak yang kesembilan diraih Kerjaya Prospek bagi tahun ini, sekali gus meningkatkan nilai kontrak baharu kepada RM2.1 bilion," jelas Phillip Capital dalam nota analisis.

Angka tersebut ujar firma penyelidikan tersebut, melepasi sasaran pengurusan sebanyak RM2 bilion, selain memenuhi 86% daripada unjuran pengisian semula buku tempahan tahun penuh iaitu RM2.5 bilion.

Kontrak itu turut meningkatkan buku tempahan belum dilaksana kepada RM5.1 bilion iaitu kira-kira dua kali ganda hasil tahunan sepanjang 2025 dan memberikan keterlihatan pendapatan sehingga 2029.



Menurut Phillip Capital, walaupun hanya menyumbang keuntungan bersih RM3.2 juta bagi tempoh 2026 hingga 2027 berasaskan margin bersih 6%, kepentingan strategik kepada Kerjaya Prospek lebih besar.

"Ini projek DC pertama dan berpotensi membina rekod dengan pemaju untuk kontrak lebih baik pada masa depan. Justeru, kami mengekalkan saranan 'tambah' dan harga sasaran (TP) RM3.16," katanya.

Sementara itu, Apex Securities melihat kontrak baharu berkenaan sebagai perkembangan positif kerana menyokong strategi pengembangan dalam projek infrastruktur melibatkan segmen industri dan komersial.

Usaha itu mengurangkan kebergantungan Kerjaya Prospek kepada projek kediaman bertingkat tinggi, dan menganggarkan kontrak tersebut mampu menyumbang RM3.2 juta kepada keuntungan selepas cukai (PAT).

Ujarnya, walaupun margin lebih rendah berbanding projek teras kerana hanya bertaraf subkontrak, risiko pelaksanaan adalah terkawal memandangkan tempoh projek yang singkat serta pengalaman luas syarikat.

"Sehubungan itu, kami mengekalkan saranan 'beli' dengan TP RM3.34 sesaham kerana percaya kemasukan ke dalam segmen DC akan memperkukuh prospek pertumbuhan dan sumber kontrak," kata Apex Securities.

Buku tempahan semasa Kerjaya Prospek dianggarkan RM4.8 bilion, disokong beberapa kontrak utama sebelum ini, manakala saluran tender bernilai RM2 bilion dijangka menjana pertumbuhan. -

DagangNews.com